

Komanwel setuju pemerhati

SUBANG, Rabu — Komanwel menyetujui keputusan kerajaan yang hanya mahukan pertubuhan itu menghantar pemerhati pilihanraya dan bukannya suruhanjaya penyiasaan bagi memerhati pilihanraya umum akan datang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, persetujuan Komanwel itu disampaikan oleh setiausaha agungnya, Chief Emeka Anyoku selepas mendengar penjelasan beliau di London semalam.

"Sewaktu singgah di London, Chief Anyoku meminta untuk menemui saya. Dalam pertemuan itu, saya menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan pemerhati pilihanraya.

"Nampak ada sedikit kekeliruan mengenai perkara ini dan saya menerangkan bahawa pemerhati adalah pemerhati dan

bukannya suruhanjaya penyiasaan," katanya dalam sidang akhbar setibanya dari London selepas melawat Venezuela, di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini lewat petang ini.

Menurut Perdana Menteri, Setiausaha Agung Komanwel itu sekarang memahami pendirian kerajaan dan menyatakan kesanggupannya untuk menghantar pemerhati dan bukannya suruhanjaya penyiasaan yang mahu menilai peraturan dan undang-undang negara.

"Saya menerangkan kepadanya bahawa pemerhati ini akan datang untuk melihat pilihanraya diadakan mengikut peraturan dan undang-undang Malaysia dan tidak ada sesiapa pun yang akan dihalang daripada mengamalkan hak mereka dalam pilihanraya," katanya.

Ditanya sama ada Chief

Anyoku bersetuju dengan syarat-syarat kerajaan berhubung pemerhati dari Komanwel itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Setiausaha Agung Komanwel itu tidak menyatakan sebarang bantahan.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, beliau belum menulis secara rasmi kepada pertubuhan itu mengenai keputusan kerajaan yang mahukan pemerhati dalam pilihanraya umum akan datang.

"Beberapa pihak di sini mahu menemui saya untuk mendapatkan penjelasan mengenai pemerhati pilihanraya itu, termasuk parti pembangkang dan pemimpin DAP Encik Lim Kit Siang.

"Sehubungan itu, sehingga menemui mereka, saya tidak akan mengundang sesiapa ke negara ini. Saya tidak mahu mengundang orang ke sini dan

kemudiannya berkata tidak sekali lagi," kata Perdana Menteri.

Mengenai tindakan Amerika Syarikat menghantar 4,000 tenteranya ke sempadan Arab Saudi dan Iraq yang menakluki Kuwait, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, Malaysia lebih suka kalau sebarang tindakan untuk menyelesaikan krisis itu berdasarkan keputusan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Menurut Perdana Menteri, adalah terlalu awal bagi Malaysia memutuskan hubungan diplomatik dengan Iraq.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia mempunyai wakil dalam Majlis Keselamatan PBB dan akan mematuhi sebarang keputusan badan itu dalam mengendurkan ketegangan di Teluk.

● LIHAT MUKA 3

Malaysia bergantung kepada

ekспорт

● DARI MUKA 1

Ditanya sama ada kelembapan ekonomi dunia berikutan krisis itu boleh menjejaskan negara, beliau berkata, ekonomi Malaysia bergantung kepada eksport dan jika negara pasaran menghadapi masalah, negara juga merasai kesannya.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata, terlalu awal bagi Malaysia menambah pengeluaran minyaknya berikutan krisis itu.

"Kita bukanlah pengeluar minyak utama tetapi kita tidak menolak menambah pengeluaran jika keadaan mendesak," katanya.

Menurutnya, keputusan Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Minyak (Opec) menaikkan harga minyak adalah wajar berikutan kenaikan harga barang-barang pengguna sekarang.

Datuk Seri Dr Mahathir juga puas hati dengan lawatannya ke Venezuela yang menurutnya bukan setakat mewujudkan hubungan baik antara dua negara, malah membuka kerjasama ekonomi dan persahabatan negara Selatan-Selatan.

Antarayang menyambut ketibaan Perdana Menteri di lapangan terbang ialah Timbalan Endik Ghafar Baba, Menteri Pendidikan Encik Anwar Ibrahim, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat; Menteri Perdagangan dan Perindustrian Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Perusahaan Awam Datuk Napsiah Omar.